

Jumaat, 7 Jun 2019 | 3:56pm



**SIASATAN KPDNHEP Melaka mendapati berlaku kerosakan luar jangka pada nozel di tapak pam di stesen minyak, Taman Merdeka, Batu Berendam yang tular di media sosial, sebelum ini. - Foto ihsan pembaca**

## Pam stesen minyak rosak luar jangka

Oleh Nurul Fhatihah Zakinan  
fhatihah@bh.com.my

**MELAKA:** Siasatan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka mendapati berlaku kerosakan luar jangka pada nozel di tapak pam di stesen minyak, Taman Merdeka, Batu Berendam yang tular di media sosial, sebelum ini.

Pengarah KPDNHEP negeri, Jaiya Abu berkata, empat pegawainya menyiasat dakwaan itu hari ini dan mendapati pemiliknya mengakui nozel pam di tapak pam nombor 8, pada kejadian jam 9 pagi, Rabu lalu itu, mengalami kerosakan.

"Bagaimanapun, kerosakan itu dikategorikan luar jangka yang berlaku pada mana-mana stesen sebelum ini dan tindakan awal dibuat pemilik stesen untuk dibaik pulih pihak berkaitan, kira-kira dua jam kemudian, hari yang sama.

"Pemeriksaan pada pam juga mendapati had selisih masih dalam lingkungan dibenarkan," katanya ketika dihubungi BH di sini, hari ini.

Jaiya berkata, pam nombor 9 bagaimanapun turut mengalami kerosakan, jam 2 pagi tadi namun sudah dibaiki pada tengah hari tadi.

Beliau dimaklumkan, kebiasaan pemilik stesen akan membayar ganti rugi namun pekerja yang bertugas ketika kejadian itu adalah seorang autisme yang tidak dapat membuat keputusan sewajarnya.

"Jadi, setakat ini, tiada kesalahan dilakukan pemilik stesen minyak dan kerosakan teknikal luar jangka itu sudah diatasi," katanya.

Beliau turut menyarankan pemilik stesen memaklumkan kepada pihaknya jika berlaku kerosakan pada pam dengan segera.

Media semalam melaporkan, seorang pemandu yang mahu mengisi minyak diesel di stesen minyak di Melaka mendakwa ada pam hanya mengeluarkan angin.

